

MyCC digesa pantau isu Foodpanda

SHAH ALAM - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) digesa untuk melihat isu penindasan serta ketidakadilan yang berlaku kepada pekerja servis penghantar makanan bermotosikal Foodpanda.

Wakil Riders Foodpanda Se-Malaysia menerusi satu kenyataan semalam berkata, isu berkenaan timbul mulai 1 Oktober 2019 lalu apabila pihak pengurusan Foodpanda memaklum-

kan mengenai kadar pembayaran baharu kepada mereka.

Bagaimanapun, menurut kenyataan berkenaan, kadar pembayaran berkenaan hanya terpakai kepada penghantar makanan di luar kawasan Lembah Klang.

"Menuruski skim pembayaran baharu, Foodpanda menghapuskan bayaran atas jam bekerja sebaliknya meningkatkan insentif pesanan antara RM4.50 hingga RM7

untuk setiap pesanan.

"Kadar lama, kami dibayar atas RM4 sejam selain insentif pesanan antara RM3 hingga RM5 bagi setiap pesanan, bergantung prestasi individu iaitu batch 1 hingga 5 dengan batch 1 menerima insentif tertinggi.

"Yang peliknya, kadar ini hanya terpakai di luar Lembah Klang, menunjukkan lagi ketidakadilan oleh pihak pengurusan Foodpanda," katanya.